

A) Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

"Hisyy ..., asyik tanya saja," bisik budak gemuk dan pendek di sebelah Beluntung. Apabila dia memandang, budak itu cepat-cepat menunjukkan penumbuk dan bersedia untuk bertumbuk.

Beluntung diam sahaja. Buat apa bertumbuk, fikir Beluntung. Kalau mahu lawan, lawanlah siapa dapat markah tinggi? Siapa dapat nombor satu dalam kelas? Kenapa orang benci aku? tanyanya dalam hati. Orang bilang aku bau kerbau. Memanglah, tapi apa boleh buat. Kalau aku tidak naik kerbau, aku tidak boleh datang ke sekolah. Jalan berlumpur. Hanya kerbau sahaja yang boleh berjalan pantas meredah lumpur.

Hujan yang turun renyai-renyai sejak semalam berlarutan hingga ke pagi. Cuaca sejuk. Beluntung memakai baju hujan warna kuning. Melihat Beluntung menghampiri Tuyog, Bawod menjerit-jerit. Tuyog pula menguak. Apabila Beluntung menunggang Tuyog, Bawod semakin menjerit-jerit. Bawod mengekori Tuyog hingga ke tebing sungai. Beluntung tidak lagi terusik dengan keadaan itu. Tuyog terus sahaja menyeberangi sungai. Tiba-tiba hujan turun dengan lebat. Bawod diam sebentar tidak tahu apakah yang harus dilakukan. Tiba-tiba kilat memancar disusuli dengan dentuman petir yang kuat. Bawod terkejut lalu terjun ke dalam sungai untuk mengejar Tuyog. Akhirnya, Bawod berjaya juga menyeberangi sungai.

Muka Beluntung basah. Ketika menyapu mukanya dengan tangan, dia teringat betapa takutnya Bawod dengan air. Apabila hujan turun, Bawod akan segera berlari ke bawah kolong dan tidak berani keluar sehingga hujan berhenti. Pernah juga Beluntung mengikat Bawod pada pohon nangka dan menyiram kepalanya dengan air. Bawod terjerit-jerit sebelum tergigit-gigit kesejukan. Akan tetapi sekarang Bawod boleh menyeberangi sungai. Air sungai sejuk. Sama sejuknya dengan air hujan. Bawod sudah sanggup masuk ke dalam sungai.

(Dipetik daripada cerpen "Bawod", oleh Janathan Kandok, Antologi Bintang Hati, 2016.)

Diskusi Rumah

1. Mengapakah Beluntung begitu mementingkan pelajaran walaupun dia tinggal di pedalaman?

Kosa Kata

menguak – bunyi kerbau kolong – ruang di bawah rumah atau sesuatu

1. Walaupun diejek dan menghadapi kesukaran untuk ke sekolah, Beluntung tetap dengan prinsipnya. Nyatakan prinsip Beluntung.

- A biar badan berbau busuk asalkan hati bersih
- B ejekan tidak akan mengubah nasib seseorang itu
- C kekuatan sebenar apabila kuat kuat menghadapi cabaran
- D memilih untuk bersaing dalam akademik bukannya bergaduh

2. Apakah yang menyebabkan Bawod menyeberangi sungai walaupun dia takut akan air?

- A terkejut mendengar dentuman petir dan kilat
- B mahu mengikut Beluntung dan Tuyog ke sekolah
- C Beluntung memaksa Bawod terjun menyeberangi sungai
- D Bawod tidak tahu untuk pu;ang sendirian tanpa Beluntung

3. Nyatakan perwatakan Beluntung berdasarkan petikan cerpen.

- A lebih suka bergaduh dengan rakan-rakannya
- B memahami perasaan binatang peliharaannya
- C takut menghadapi cabaran rakan sekelasnya
- D mendera binatang peliharaannya

4. Antara berikut merupakan pengajaran daripada keseluruhan cerpen "Bawod", kecuali

- A Kita sepatutnya mengamalkan semangat bermasyarakat
- B Kita hendaklah memiliki perasaan kasih sayang terhadap haiwan
- C Kita sewajarnya menjadikan penternakan sebagai perniagaan keluarga
- D Kita mestilah rajin menimba ilmu pengetahuan walaupun menempuh pelbagai halangan

5. Pada pendapat anda, mengapakah terdapat sesetengah orang yang begitu mengasihi binatang peliharaan?

- A Binatang tidak mementingkan diri sendiri
- B Binatang akan patuh apa-apa sahaja arahan tuannya
- C Binatang tidak mempunyai banyak kerehan untuk memeliharanya
- D Binatang tahu membalas kasih sayang yang diterima daripada manusia

B) Suaikan dengan jawapan yang betul

Sungai Layong

Tempat Beluntung
menjuarai perlumbaan
kerbau dan memenangi
wang tunai RM10.00

Bawah pokok kelapa

Tempat Beluntung menngisi
kematian Bawod

Kampung Loyang

Tempat Beluntung
menambat Bawod

Bawah pokok nangka

Tempat Beluntung
menambat Tuyong

Halaman rumah

Tempat Tuyong
menyeberang dengan
membawa Beluntung yang
duduk di atas badannya